

## Mahathir tokoh tertua jadi PM

**BUKIT FRASER, 20 Dis.** - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang berumur 56 tahun hari ini merupakan tokoh tertua menjadi Perdana Menteri Malaysia berbanding dengan bekas rakan-rakan sejawat beliau sebelumnya.

Beliau berumur 55 tahun 7 bulan semasa mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Keempat Julai lalu.

Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj berumur 54 tahun semasa memegang jawatan tersebut.

Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein berumur 48 tahun ketika mula menjadi Perdana Menteri pada 1971, dan Tun Hussein Onn berumur 53 tahun pada 1976 semasa beliau memulakan tugas itu.

Ketika ditemui oleh para wartawan di sini hari ini Datuk Sri Dr. Mahathir mengesahkan bahawa beliaulah orang yang paling tua semasa menjadi Perdana Menteri.

Perdana Menteri merayakan harijadinya yang ke 56 hari ini.